

Sindiket dadah sasar penuntut IPT

Serdang: Sindiket dadah tempatan dikesan menggunakan laman web khas dan akaun media sosial untuk menyusup serta mendapatkan pelanggan dalam kalangan penuntut institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Mereka dikesan cuba mengembangkan perniagaan haram itu dengan menyasarkan penuntut IPT.

Ketua Penolong Pengarah (1) Risikan dan Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman Senior Asisten Komisioner Zulkifli Ali berkata, kegiatan itu didedahkan susulan penahanan 371 penuntut IPT yang dikesan terbabit dalam penyalahgunaan dadah.

Menurutnya, jumlah itu

membimbangkan ber-

ikutkan penahanan dila-

kukan hanya dalam tem-

poh empat bulan pertama

tahun ini.

Beliau berkata, 326 pe-

nuntut yang ditahan ke-

rana positif dadah mem-

babitkan penuntut warga

tempatan dan 45 warga

asing.

Berdasarkan siasatan,

kumpulan penuntut yang

terbabit dengan penya-

lahgunaan dadah ini memperoleh bekalan dengan menempah di laman sesawang Internet dan akaun media sosial khas yang dipercayai dikendalikan oleh bekas penuntut atau sindiket.

“Hanya bekas penuntut tahu selok-belok kampus dan sasaran pelanggan mereka. Selain itu, mereka turut mendapat bekalan daripada rakan se-baya di kampus,” katanya pada Forum Ancaman Keselamatan Dalam Kalangan Masyarakat Kampus di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini.

Zulkifli berkata, penuntut IPT yang terbabit dengan dadah kebanyakannya sudah menyalahgunakan dadah sejak zaman sekolah dan meneruskan aktiviti itu hingga ke universiti.

“Mereka terpengaruh dengan dadah menerusi media sosial dan ketika berkunjung ke parti serta pusat hiburan.

“Mereka ini menyalahgunakan dadah dengan alasan tertentu seperti mengambil pil yaba untuk menguruskan badan dan menyegarkan mata ketika belajar serta bekerja,” katanya.

“Hanya bekas penuntut tahu selok-belok kampus dan sasaran pelanggan mereka”

Zulkifli Ali

